

02 AUG 1997

PASUKAN EVEREST DIBERI PENGHORMATAN

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Para anggota dan perwakilan MIC ke perhimpunan agung ke-51 MIC hari ini memberi penghormatan kepada empat anggota pasukan Everest yang mencatat sejarah dua bulan lepas dengan mendaki puncak tertinggi dunia.

Keempat-empat mereka ialah M.Magendran, N.Mohandas, Gary Chong dan Mohamed Fauzan Hassan.

Mereka diberikan hadiah wang tunai berjumlah RM80,000 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Magendran dan Mohandas masing-masing menerima RM25,000 manakala Gary Chong dan Mohamed Fauzan masing-masing menerima RM15,000.

Dr Mahathir juga menyampaikan RM10,000 bagi pihak MIC kepada Persatuan Mendaki Gunung Malaysia.

Majlis ringkas itu berlangsung selepas perasmian perhimpunan agung oleh Dr Mahathir di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini,. -- BERNAMA

RV AKD